

**AGENDA 5.1.3 (a): KEBERKESANAN PENUTUPAN AUDIT
PEMANTAUAN SEMAKAN 2 OLEH SIRIM
BAGI SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR**

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan ketetapan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang laporan keberkesanan penutupan audit pemantauan semakan 2 oleh SIRIM bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang telah diadakan pada tahun 2016.

Latar Belakang

2. Audit Pemantauan Semakan Kedua Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 Oktober 2016. Seramai empat (4) orang Juruaudit terlibat sepanjang pengauditan iaitu Puan Aernida Abdul Kadir (Ketua Juruaudit), Puan Ruzita Abd. Gani, Encik Tajul Arif Ariffin dan Puan Aminah Ang. Lokasi audit/sampel Pusat tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut:

- (a) Pusat Jaminan Kualiti (CQA);
- (b) Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP);
- (c) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA);
- (d) Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU);
- (e) Taman Pertanian Universiti (TPU);
- (f) Fakulti Kejuruteraan (FK);
- (g) Fakulti Pertanian (FP);
- (h) Fakulti Perubatan Veterinar (FPV);
- (i) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB);
- (j) Fakulti Perhutanan (FH);
- (k) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

3. Hasil penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, UPM telah menerima sebanyak satu (1) laporan ketakakuran (NCR) dan tiga (3) peluang penambahbaikan (OFI). Bengkel pelan tindakan telah dilaksanakan yang melibatkan Peneraju Proses dan PTJ yang terlibat bagi tujuan penutupan audit.

Keberkesanan Penutupan dan Pelaksanaan Penemuan Audit

4. Pelan Tindakan Laporan Ketakakuran (NCR) telah dihantar kepada Ketua Juruaudit pada 8 November 2016 (dalam tempoh 1 bulan selepas Mesyuarat Penutupan Audit). Maklumbalas pengesahan persetujuan pelan tindakan telah diterima daripada Ketua Juruaudit bertarikh 15 November 2016. Seterusnya bukti tindakan pembetulan telah dihantar kepada pihak SIRIM pada 12 Januari 2016 (dalam tempoh 3 bulan selepas Mesyuarat penutupan audit) dan penutupan penemuan NCR telah disahkan pada 19 Januari 2017.

5. Manakala maklumbalas tindakan pelaksanaan peluang penambahbaikan (OFI) hasil daripada bengkel OFI SIRIM pada 16 November 2016 telah diedarkan kepada semua PTJ yang terlibat termasuk Peneraju dan PTJ lain yang berkaitan dengan OFI bagi memastikan penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang.

6. Pemantauan pelaksanaan tindakan (OFI) dilaksanakan secara berkala melalui emel dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ISO UPM. Hasil pemantauan tindakan adalah sebagaimana **Lampiran**. Bukti pelaksanaan tindakan OFI akan disemak semula oleh pihak SIRIM pada Audit Pensijilan Semula yang akan diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2017.

Syor

7. Ahli MKSP UPM dimohon:

- (a) mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016;
- (b) mengambil perhatian penemuan OFI yang ditemui perlu juga diambil tindakan oleh semua PTJ (sama ada PTJ yang menjadi sampel audit atau tidak) supaya penemuan yang sama tidak berulang di lokasi/PTJ lain semasa audit badan pensijilan akan datang.

Lampiran

**STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI) AUDIT SIRIM
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)**

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
OFI-1	4.3.2 Undang-Undang dan keperluan Lain	Pejabat Penasihat Undang-Undang	Daftar Undang-Undang Sedia ada perlu mendaftarkan <i>Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008</i>	Meminda Daftar Undang-Undang dengan memasukkan "Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008"	SELESAI [Tindakan pada 26/5/2017]
OFI-2	4.5.2 Penilaian Kepatuhan	Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) – Pusat Jaminan Kualiti	Menambahbaik proses penilaian kepatuhan dengan mengambikira semua aspek alam sekitar yang berkaitan dengan undang-undang (contoh: <i>boiler operation</i> dan <i>standby generator set</i>)	Mengemaskini Fasa Penilaian Kepatuhan dengan memasukkan aspek alam sekitar yang berkaitan dan Peneraju Operasi berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> - Water pump (diesel) - Boiler - <i>Diesel Generator Set</i> 	SELESAI [Tindakan pada 15/12/2016]
OFI-3 (a)	4.4.6 Kawalan Operasi	PTJ Terlibat Fakulti Pertanian PTJ Lain perlu ambil tindakan Semua Fakulti	Bilik penyimpanan bahan kimia boleh ditambahbaik dari segi susunatur dan peralatan yang sesuai sahaja berada dalam bilik tersebut	FP: (i) Membuat pembelian rak bahan kimia dan <i>partition</i> . (ii) Mengadakan gotong-royong / gerak gempur di makmal. (iii) Melaksanakan amalan 5S di semua makmal.	FP: SELESAI [Tindakan pada 13/7/2017]

MKSP ISO UPM 2017 (QMS, ISMS & EMS)

AGENDA 5.1.3 (a): Keberkesanan Penutupan Audit SIRIM EMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
				<p><u>PTJ Lain:</u> Membuat pemantauan <i>housekeeping</i> di makmal melalui sesi pemeriksaan tempat kerja di PTJ (Rujuk prosedur Prosedur Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P003)</p>	Tindakan Berterusan
(b)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</p> <p><u>Peneraju:</u> Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)</p>	Pengurusan buangan domestik perlu ditambahbaik	<p><u>FP:</u> (i) Hebahan kepada semua staf tentang pengurusan sisa buangan domestik (ii) Melaporkan dalam mesyuarat Pengurusan Fakulti</p> <p><u>FPSK:</u> (i) Mengeluarkan satu notis untuk makluman warga fakulti untuk tindakan pembedahan. (ii) Tindakan kerja-kerja pembersihan di tapak pengumpulan sampah domestik oleh pihak kontraktor yang dilantik untuk membuang keluar kampus UPM. (iii) Melaporkan dalam mesyuarat Pengurusan Fakulti</p>	<p>FP: Dalam Proses [Tarikh akhir pada 30/8/2017]</p> <p>FPSK: SELESAI Tindakan pada 15/11/2016]</p>

MKSP ISO UPM 2017 (QMS, ISMS & EMS)

AGENDA 5.1.3 (a): Keberkesanan Penutupan Audit SIRIM EMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
				Peneraju: (i) Berurusan dengan kontraktor (Menambahbaik jadual pungutan) (ii) Menghantar surat kepada semua PTJ dan nyatakan laporan pemantauan/isu-isu (contoh: PTJ perlu sediakan/baiki kepala paip bagi memudahkan kontraktor membuat pencucian)	FP: Dalam Proses [Tarikh akhir pada 30/8/2017]
(c)	4.4.6 Kawalan Operasi	PTJ Terlibat Taman Pertanian Universiti PTJ Lain perlu ambil tindakan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pertanian, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Perhutanan & UPM Kampus Bintulu	Merebentuk dan membina 'bundung' yang sesuai untuk tangki diesel dan memenuhi 110% kapasiti tangki tersebut bagi mengelakkan tumpahan keluar	(i) Menyediakan pelan rekabentuk dan spesifikasi mengikut keperluan EMS (ii) Pelaksanaan akan menggunakan peruntukan 2017	Tindakan belum dilaksanakan sepenuhnya di TPU [Penemuan sama dilaporkan sebagai NCR semasa audit dalaman EMS tahun 2017]

MKSP ISO UPM 2017 (QMS, ISMS & EMS)

AGENDA 5.1.3 (a): Keberkesanan Penutupan Audit SIRIM EMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
(d)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Taman Pertanian Universiti</p> <p><u>PTJ Lain perlu ambil tindakan</u> PTJ Berkaitan (sama seperti tersenarai di OFI-3(c))</p>	Terdapat kesan tumpahan diesel yang memungkinkan pencemaran tanah	<p><u>TPU:</u></p> <p>(i) Menyediakan pelan rekabentuk dan spesifikasi mengikut keperluan EMS</p> <p>(ii) Pelaksanaan akan menggunakan peruntukan 2017</p>	<p>Tindakan belum dilaksanakan sepenuhnya [Penemuan sama dilaporkan sebagai NCR semasa audit dalaman EMS tahun 2017]</p>
(e)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Taman Pertanian Universiti</p> <p><u>Peneraju</u> Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi</p>	Perlu lebih giat memaklumkan kesedaran berkenaan larangan pembakaran terbuka	<p><u>TPU:</u> Mengadakan taklimat kesedaran berkaitan larangan pembakaran terbuka yang akan diadakan pada hari bersama pelanggan TPU.</p> <p><u>Peneraju:</u> Membuat hebahan kepada semua PTJ UPM berkenaan larangan pembakaran terbuka.</p>	<p>TPU: SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 7/11/2016 dan 26/7/2017]</p> <p>SELESAI [Tindakan pada 16/6/2017. Hebahan melalui buletin]</p>
(f)	4.4.6 Kawalan Operasi	<p><u>PTJ Terlibat</u> Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</p>	<p>i. Status penghasilan SW410 dan SW323 perlu dipastikan supaya tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan sebagai prosedur</p> <p>ii. Proses pemilihan syarikat kitar semula perlu diteliti semula</p>	<p>(i) Membuat pendaftaran menggunakan borang TWG/SBT/92 melalui Syarikat Pelupusan yang dipilih kepada Jabatan Alam Sekitar(DOE).</p> <p>(ii) Membangunkan Tatacara Kerja Dalaman 'Proses Pengurusan Pelupusan Sisa Terjadual (Kimia).</p>	<p>SELESAI [Tindakan pada November 2016]</p> <p>Dalam proses [Tindakan akhir pada 30/8/2017]</p>

MKSP ISO UPM 2017 (QMS, ISMS & EMS)
 AGENDA 5.1.3 (a): Keberkesanan Penutupan Audit SIRIM EMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
(g)	4.4.6 Kawalan Operasi	PTJ Terlibat Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan PTJ Lain Semua fakulti	i. Pengkelasan bahan buangan sisa terjadual perlu ditambahbaik; ii. Keadaan stor sisa kimia perlu lebih kemas dan ditambahbaik	EPSK: (i) Permohonan cadangan pindaan Garis Panduan Pengasingan dan Pengkelasan Sisa Klinikal (SOK/OSH/GP01/SISA KLINIKAL), bahagian 3.2 Pengkelasan sisa, perkara sisa infeksi, bahagian b) sisa mikrobiologi. (ii) Mengemas dan menyusun bahan kimia di rak yang disediakan dalam Stor Sisa Kimia dan membuat permohonan pelupusan sisa kepada Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 11/11/2016]
				PTJ Lain: Membuat pemantauan <i>housekeeping</i> di makmal melalui sesi pemeriksaan tempat kerja di PTJ (Rujuk prosedur Prosedur Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P003)	Tindakan Berterusan